

Di manakah kedudukan Bahasa Kebangsaan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan?

Oleh Nik Safiah Karim

Pada bulan September 2012 lalu, Kementerian Pelajaran memperkenalkan laporan awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2026. Matlamat utama pelan ini adalah untuk mendapatkan respons masyarakat terhadap dokumen tersebut yang kemudiannya akan dimurnikan lagi untuk dilaksanakan pada awal tahun 2013.

Tahniah diucapkan kepada Kementerian Pelajaran atas langkah ini. Tindakan mengemukakan pelan ini untuk diteliti oleh rakyat yang akan memberikan input agar

perancangan pendidikan negara menjadi lebih lengkap merupakan satu langkah yang bijak, yang berbeza sekali dengan cara dasar Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) dilaksanakan.

Perancangan pendidikan melibatkan masa depan anak-anak kita; oleh itu, wajar sekali rakyat daripada segenap lapisan dilibatkan dalam proses perancangan dan pembinaan sistem pendidikan negara.

Tahniah juga diucapkan atas cara dokumen ini disediakan. Tidak seperti dasar PPSMI, Pelan Pembangunan

Pendidikan ini disediakan setelah penyelidikan dan perbincangan dijalankan pada beberapa peringkat, agar semua pertimbangan diambil kira. Sebagai contoh, Kementerian telah melaksanakan kajian semula sistem pendidikan negara secara menyeluruh, dan antara faktor yang diambil kira termasuklah standard pendidikan antarabangsa, peningkatan aspirasi negara, dan harapan ibu bapa serta masyarakat terhadap dasar pendidikan negara.

Pelan Pembangunan Pendidikan ini juga digubal bagi menilai prestasi semasa sistem pendidikan negara



Bahasa kebangsaan menjadi bahasa pemersatu dalam usaha untuk memupuk perpaduan dalam kalangan murid berbilang bangsa.



Generasi pelajar yang mempunyai identiti nasional yang jelas diharapkan mengikut Pelan Pembangunan Pendidikan.

dengan mengambil kira pencapaian lampau dan membandingkannya dengan tanda aras antarabangsa. Langkah ini juga wajar jika kita mahu membawa negara kita ke taraf dunia antarabangsa. Kelihatan bahawa visi pelan ini bersifat masa depan.

Paling utama, pelan ini dilahirkan melalui 11 anjakan strategi dan operasi, untuk merealisasikan matlamat mentransformasikan sistem pendidikan negara, selaras dengan usaha kerajaan Malaysia untuk mentransformasikan sektor lain.

Sesungguhnya, kita rakyat Malaysia turut berharap agar pelan ini, setelah diperkukuh dengan cadangan tambahan daripada segenap lapisan masyarakat, akan dapat dilaksanakan dengan jayanya. Dengan demikia, akan lahirlah generasi pelajar yang mengikut ciri aspirasi murid yang disenaraikan, berpengetahuan, mempunyai kemahiran berfikir, memimpin, dwibahasa, beretika dan mempunyai identiti nasional yang jelas.

Namun begitu, setelah meneliti dokumen ini, jelas kelihatan satu kekurangan, iaitu bahasa kebangsaan negara, bahasa Melayu, tidak diberikan tempat langsung

dalam proses pendidikan anak bangsa. Yang ditekankan ialah sifat dwibahasa murid, iaitu penguasaan bahasa kebangsaan dan bahasa Inggeris dengan baik, ditambah dengan penyediaan peluang untuk mempelajari bahasa-bahasa lain.

Apakah pihak yang terlibat tidak sedar tentang peranan yang dapat dimainkan oleh bahasa kebangsaan sebagai wahana ilmu pengetahuan




Bahasa kebangsaan menjadi wahana pengembangan ilmu pengetahuan.

dengan peranan bahasa kebangsaan, dan agak berat sebelah terhadap peranan dan kepentingan bahasa Inggeris. Tiada sesiapa pun menolak bahasa Inggeris. Yang diminta ialah agar bahasa kebangsaan sendiri jangan dipinggirkan!

Hal ini berkait rapat dengan persoalan perpaduan. Sekali lagi, yang terdapat dalam laporan ini tentang pembinaan perpaduan negara tidak dipersoalkan, iaitu perpaduan diharap akan tercapai melalui interaksi bersama murid daripada pelbagai latar belakang sosioekonomi, agama, dan etnik, kerana mereka nanti akan belajar untuk memahami, menerima serta menghayati perbezaan ini, dan dengan demikian, membentuk perkongsian pengalaman dan aspirasi.

Namun begitu, tidak mungkinkah proses ini menjadi lebih cepat dan lebih teguh sekiranya dibawa masuk juga aspek peranan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pemersatu? Aspek proses perkongsian pengalaman dan aspirasi ini akan menjadi lebih berkesan dan lebih segera tercapai dengan tambahan peranan bahasa kebangsaan. Apakah yang menjadi penghalang untuk memasukkan peranan pemersatu bahasa kebangsaan negara kita dalam proses pembinaan perpaduan? Terbukti bahawa fungsi bahasa pemersatu ini berjaya dalam sejarah beberapa negara lain, dengan contoh terdekat di Indonesia.

Oleh itu, sebagai respons kepada harapan Kementerian Pelajaran agar rakyat jelata memberikan input, dari perspektif kaca mata mereka, kepada Pelan Pembangunan Pendidikan ini, kami mencadangkan supaya dimasukkan huraian tentang peranan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pemersatu dalam usaha untuk memupuk perpaduan dalam kalangan murid yang berbeza dari segi latar belakang sosioekonomi, agama dan etnik. Yang diminta hanya



Penguasaan bahasa kebangsaan bermula dari bangku sekolah.

tambahan, bukan menolak apa-apa yang telah ada, demi menghormati bahasa kebarangsaaan sendiri.

Cadangan yang kedua berkait dengan langkah untuk memartabatkan bahasa Melayu. Dalam Bab 4, yang menghuraikan langkah untuk memartabatkan bahasa Melayu dan mengukuhkan bahasa Inggeris dalam bilik darjah, selaras dengan dasar Memartabatkan Bahasa Melayu dan Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI), kami dapati huraian yang tidak mencukupi kerana terlalu ringkas. Secara bandingan, huraian tentang pengukuhan bahasa Inggeris lebih lengkap dan berisi.

Oleh itu, agar pelaksanaan proses pemartabatan bahasa Melayu yang berkesan, dan demi memberikan penghargaan kepada bahasa kebangsaan sendiri, kami mencadangkan agar huraian tentang cara memartabatkan bahasa Melayu ditambah dengan cadangan yang

lebih konkrit, sebagaimana yang dilakukan bagi bahasa Inggeris. Dengan demikian, para pelaksana, termasuk guru yang mengajar di bilik darjah, mempunyai sesuatu yang nyata untuk dilaksanakan.

Besarliah harapan kami agar cadangan ini benar-benar diberikan pertimbangan. Jangan kerana "nila setitik rosak santan sebelanga". Cadangan ini dikemukakan dengan perasaan ikhlas, sebagaimana ikhlasnya hasrat pihak Kementerian untuk menerima dan menimbangkan input daripada rakyat jelata. □

Profesor Emeritus Datuk Dr. Nik Safiah Karim ialah mantan Profesor Pengajian Melayu di Universiti Malaya. Beliau menulis banyak buku dan makalah tentang bahasa; yang paling definitif ialah *Tatabahasa Dewan* yang ditulis bersama tiga orang ahli bahasa lain. Beliau dianugerahi gelaran Profesor Emeritus oleh Universiti Malaya pada tahun 2002 dan kini dilantik sebagai karyawan tamu di Akademi Pengajian Melayu.